

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JPK 226 – KAEDAH MENGAJAR EKONOMI**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Dalam suatu sesi pengajaran Ekonomi Asas Tingkatan 5, anda bercadang mengajar tajuk 'Perdagangan Antarabangsa' dengan menggunakan kaedah kajian kes.
  - (a) Sediakan dan terangkan langkah-langkah pelaksanaan pengajaran yang perlu anda lakukan.

(17 markah)
  - (b) Huraikan dua kebaikan dan dua kelemahan kaedah kajian kes dalam pengajaran dan pembelajaran tajuk di atas.

(8 markah)
  
2. Anda akan mengajar tajuk 'Bank dan Institusi Kewangan' dengan menggunakan kaedah kuliah.
  - (a) Terangkan kelebihan kaedah kuliah berbanding dengan SATU kaedah lain sebagai perbandingan.

(10 markah)
  - (b) Terangkan dua aktiviti susulan yang akan anda gunakan melalui kaedah kuliah supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.

(15 markah)
  
3. Anda merancang suatu pengajaran bagi tajuk 'Inflasi'.
  - (a) Sediakan sebuah rancangan mengajar yang lengkap bagi mengajar tajuk tersebut.

(15 markah)
  - (b) Jelaskan secara ringkas
    - (i) dua objektif khas pembelajaran yang dirancangkan itu.
    - (ii) dua penerapan nilai yang sesuai dengan tajuk.

(10 markah)
  
4. (a) Huraikan bagaimanakah akhbar boleh digunakan untuk meningkatkan minat dan pemahaman pelajar terhadap pelajaran ekonomi secara berkesan?

(10 markah)

- (b) Sebagai guru penasihat Persatuan Ekonomi, anda bercadang menganjurkan satu lawatan sambil belajar. Terangkan langkah-langkah yang perlu anda ambil bagi memastikan keberkesanan program lawatan ini.
- (15 markah)
5. (a) Penggunaan komputer sebagai alat pengajaran dan pembelajaran semakin penting. Bagaimanakah anda hendak menggunakan alat ini dalam memantapkan pembelajaran Ekonomi Asas?
- (10 markah)
- (b) Bagaimanakah pendekatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) boleh dilaksanakan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran satu tajuk mata pelajaran Ekonomi yang anda rancang di sekolah?
- (15 markah)